

Kelab Briged Penyelamat Sungai

Semai sikap terpuji

>>Oleh Michelle Gun

michellegun@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Semaikan 4,815 pelajar dari 280 sekolah di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, termasuk kakitangan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (PNSB) mendaftar sebagai ahli Kelab Briged Penyelamat Sungai (BPS).

Penolong Pengurus Besar, Jabatan Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Awam Syabas, Priscilla Alfred berbincang, penyertaan daripada pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Politeknik Sultan Idris Shah kali ini mencatatkan penyertaan pertama di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT)

dalam Kelab BPS.

Katanya, program BPS Nature Hunt yang diadakan di Nur Lembah Pangsun, Hulu Langat baru-baru ini disertai 150 ahli kelab berkenaan dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Cheras, Politeknik Sultan Idris Shah dan Fakulti Persekutuan dan Alam Sekitar UPM.

"Pelbagai aktiviti menarik disediakan pada program berkenaan yang dianjurkan bersempena sambutan Hari Sungai Sedunia 2012, antaranya merentas tasik, perlumbaan bot, Survival Cooking on Water, Water Crawling, Big Puzzle, IQ Test dan juga permainan rakit," katanya.

Katanya, antara keistimewaan program berkenaan adalah penyertaan kakita-

ngan Syabas dan PNSB dalam setiap kumpulan berkenaan dan mereka bekerjasama untuk merebut menjadi kumpulan terbaik.

"Aktiviti seperti ini memberi pendedahan terhadap elemen pembinaan jati diri individu, ketahanan mental dan fizikal ketika menghadapi cabaran dalam program berkenaan," katanya.

Priscilla berkata, objektif utama program adalah mewujudkan semangat ingin tahu di kalangan ahli kelab BPS berdasarkan program khusus yang dirangka.

"Pada masa sama, program berkenaan diharap dapat memberi kesedaran kepada ahli kelab, seterusnya meningkatkan rasa tanggungjawab memulihara sungai daripada tercemar," katanya.



BEKERJASAMA...antara permainan aktiviti air disertai peserta BPS Nature Hunt.